

14,668 graduan terima ijazah Konvokesyen USIM Ke-11 hari ini

KUALA LUMPUR 29 Nov. - Seramai 14,668 pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) akan menerima ijazah sarjana muda, ijazah sarjana dan ijazah doktor falsafah sempena Konvokesyen USIM Ke-11 yang akan berlangsung di Stadium Terutup Nilai, Negeri Sembilan esok.

Menurut kenyataan dikeluarkan USIM, seramai 443 pelajar mencipta sejarah apabila menjadi graduan sulung kepada program Sarjana Muda Pengajian Akidah dan Agama serta Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan.

“Majlis Konvokesyen kali ini juga akan memberi penganugerahan



kepada Prof. Datuk Dr. Hassan Said yang menerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Pengurusan Sumber Manusia atas sumbangan dan idea beliau terhadap penubuhan USIM, yang dahulunya dikenali sebagai Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM).

“Turut menerima penganugerahan ialah Tan Sri Sheikh Ghazali Abdul Rahman iaitu Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Syariah dan Kehakiman atas sumbangan membangunkan kurikulum program akademik di Fakulti Syariah dan Undang-undang di USIM bermula sejak tahun 2003 lagi,” kata kenyataan tersebut.

Tambah kenyataan itu, Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani Almarhum Tengku Besar Mahmud iaitu Canselor USIM akan berangkat pada majlis Konvokesyen bermula esok hingga 1 Disember ini.